

KEBEBASAN BERSUARA

Chedet.cc

7 Jun 2016

Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Pengasas negara Malaysia merdeka memilih sistem demokrasi kerana rakyatlah yang berjaya mempengaruhi dan menyokong Raja untuk menolak Malayan Union rancangan British. Rakyat dalam demokrasi diberi hak dan kuasa memilih pemimpin untuk mengetuai pentadbiran negara. Bersama dengan hak ini datang juga hak untuk menukar pemimpin jika pemimpin sudah tidak layak lagi menjadi pemimpin. Penukaran ini boleh dibuat semasa pilihanraya umum atau diwaktu mana pemimpin didapati sudah tidak lagi sesuai.

2. Dalam negara demokratik suara rakyat penting bagi pemimpin mengetahui kehendak mereka. Oleh itu kebebasan bersuara menjadi satu dari hak utama dalam demokrasi. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka bukan sahaja demokrasi menjadi cacat tetapi ianya tidak wujud.

3. Negara Malaysia dibawah Najib sudah tidak lagi mengamalkan prinsip kebebasan bersuara. Memanglah sekatan terhadap memburuk hubungan antara kaum di negara berbilang bangsa ini diperlukan. Semua negara demokratik mengamalkan sekatan tertentu bagi mengelak rusuhan. Tetapi ia tidak termasuk pemerintah mengurang atau menghapus hak rakyat mengkritik pemerintah apabila pemerintah melanggar undang-undang.

4. Hari ini kita lihat hak rakyat bersuara diganggu secara terbuka. Media cetak dan elektronik dikuasai penuh oleh Najib dan tidak lagi lapor yang benar. Maklumat diputar sehingga tidak lagi mencerminkan fakta yang sebenar. Sekatan terhadap media alternatif juga dicuba.

5. Walaupun dahulu kebebasan dialami oleh ahli parti UMNO untuk mencabar Presiden, bahkan bertanding merebut jawatan presiden, hari ini jika Presiden disoal atau ditegur, yang menegur akan dibuang dari parti, atau dilucut dari jawatan dalam parti. Dengan itu ahli parti takut dan membiar presiden membuat perkara yang tidak baik.

6. Katanya ada dedak yang disumbat kedalam mulut ahli-ahli parti supaya mereka menjadi bisu. Ada ahli parti yang mengaku menerima sogokan sebanyak satu dan dua juta Ringgit dan mereka pun menutup mulut terhadap jenayah yang jelas berlaku. Mereka mengia apa sahaja. Sesungguhnya mereka bukan lagi wakil rakyat yang memilih mereka, tetapi sudah jadi orang suruhan Najib. Dasar dan perjuangan parti tidak lagi menjadi tanggungjawab mereka.

7. Demikian juga dengan Ketua-Ketua Bahagian UMNO. Mereka sudah tidak ada suara lagi setelah melihat seorang Naib Ketua Bahagian yang menegur Presiden dipanggil oleh polis, disoal, dimasukkan dalam tahanan dan dihadapkan ke mahkamah.

8. Walau apa pun kesalahan yang dilakukan oleh Najib, walaupun duit Kerajaan berbillion Ringgit dihilangkan, walaupun Najib tiba-tiba memiliki berbillion Ringgit dalam akaun peribadinya yang tidak dapat dijelas puncanya; wakil rakyat BN, Ketua-Ketua Bahagian UMNO membisu.

9. Dalam mesyuarat agung UMNO perwakilan tidak dibenar bercakap berkenaan dengan 1MDB dan 2.6 billion Ringgit dalam akaun peribadi Najib.

10. Apabila beberapa pemimpin cawangan menyoal dan menegur Najib kerana 1MDB, 2.6 billion Ringgit dalam akaunnya dan penglibatan Jho Low dan syarikat Good Star Ltd dalam pengurusan wang 1MDB sehingga ratusan juta dollar Amerika hilang, maka Ketua-Ketua Cawangan dipecat.

11. Biasanya apabila pemimpin menyeleweng, Perlembagaan negara memberi hak kepada wakil rakyat membuat undi tidak percaya dalam Dewan. Tetapi kerana dedak dan berbagai jenis tekanan, selain dari dua orang ahli UMNO, ahli-ahli UMNO yang lain dan BN tidak berani menyokong usul tidak percaya jika diusulkan.

12. Rakyat kehilangan suara secara menyeluruh. Semua peruntukan dalam Perlembagaan dan undang-undang berkenaan kebebasan bersuara sudah dibatalkan. Melapor kepada polis berkenaan jenayah yang dilakukan oleh pemimpin juga bukan sahaja tidak berkesan tetapi yang melapor sendiri dimasukkan dalam tahanan.

13. Sekarang ini rakyat cuba untuk merayu kepada Yang diPertuan Agong melalui Deklarasi Rakyat. Memang tidak ada peruntukkan dalam Perlembagaan bagi rakyat merayu kepada Raja-Raja. Tetapi oleh kerana semua jalan lain untuk memperdengarkan rintihan mereka sudah dihapuskan, maka terpaksa mereka mengguna cara rayuan kepada Raja. Najib juga tidak patuh kepada Perlembagaan, undang-undang serta prinsip-prinsip demokrasi berkenaan hak bersuara oleh rakyat.

14. Ugutan juga dibuat untuk merampas paspot jika semasa berada diluar negara, kenyataan dibuat kepada media asing berkenaan salahlaku pemerintahan Najib.

15. Sudah lebih sejuta rakyat menandatangani Deklarasi Rakyat untuk selamatkan Malaysia, walaupun kedengaran ada amaran diberi oleh Kerajaan Najib bahawa sesiapa yang menandatangani Deklarasi Rakyat akan kehilangan bantuan BRIM, biasiswa anak, peluang perniagaan, lesen dan semua kemudahan hak rakyat. Peniaga akan digeledah oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri, tidak akan dapat kontrak, urusan dengan pejabat terganggu dan lain-lain ugutan.

16. Sekarang ada penyokong Najib yang memperlekehkan Deklarasi Rakyat, kononnya ada banyak penipuan. Ia mendesak polis supaya merampas Deklarasi yang berada dengan sekretariat. Harapannya ialah supaya polis dapat kenalpasti mereka-mereka yang telah tandatangan Deklarasi tersebut dan akan dapat mengugut mereka.

17. Sebenarnya memang ramai yang tidak sanggup tandatangan Deklarasi kerana rejim Najib akan ugut dan ganggu mereka. Jika tidak ada gangguan dan ugutan ini lebih ramai rakyat yang akan tandatangan Deklarasi Rakyat. Sebenarnya berjuta rakyat bersetuju supaya Najib berhenti dari menjadi Perdana Menteri. Tetapi mereka takut tindakan rejim Najib.

18. Penyokong Najib ini ialah pengkhianat bangsa dan demokrasi yang tidak senang kerana rakyat bersuara. Kononnya ia dari parti pembangkang yang bermusuh dengan kerajaan Najib. Tetapi sebenarnya ia adalah penyokong tersembunyi Najib yang ingin selamatkan Najib.

19. Usaha untuk mendapat Deklarasi Rakyat akan diteruskan. Saya percaya ramai rakyat Malaysia berani bersuara.

20. Pengkhianat bangsa dan demokrasi tidak akan berjaya walaupun mendapat perlindungan Najib.

ENG VERSION
FREEDOM OF SPEECH

1. The exponents of Independent Malaysia chose the democratic system as it was the people who managed to influence and support the Rulers to reject the British Malayan Union plan. People in a democracy are given the right and power to elect a leader to head the Nation's administration. Along with these rights come also the right to change the leader if the leader is no longer fit to lead. This change can be made during a general election or at a time when the leader is no longer deemed suitable.
2. In a democratic country, voice of the people is essential in order for the leaders to know the people's needs. Thus, freedom of expression becomes one of the main rights in a democracy. If this condition is not complied with, then not only is democracy flawed but in fact it does not exist
3. The Malaysian nation under Najib no longer practices freedom of expression. No doubt, limits as regards to freedom of speech relating to race relations matters in a multi-ethnic country is necessary. All democratic countries adopt certain restrictions to prevent unrest. But it does not include the government reducing or eliminating the rights of citizens criticising the government when the government violates the law.
4. Today, we see the people's right to speak harassed openly. Print and electronic media is fully controlled by Najib and no longer report the truth. Facts are twisted until they no longer reflect the truth. Sanctions against alternative media are also tried.
5. Even though in the past, members of UMNO experienced freedom to challenge the President of UMNO, even to contest the Presidency, today if the President is questioned or reprimanded, the one who reprimands will be removed from the party, or stripped of his party posts. With this, party members are scared and allow the President to do bad things.
6. It has been said that "bran" have been stuffed into the mouth of party members so that they become silent. There are party members who admitted to receiving bribes of one and two million Ringgit and they shut their mouths on crimes that are clearly committed. They are agreeable to anything. Indeed, they are no longer representing the people who elected them, but have become Najib's servants. The Party's principle and struggle is no longer their responsibility.
7. This is also true with UMNO's Heads of Division. They lost their voice after seeing a Deputy Head of a Division who reprimanded the President being summoned by police, questioned, taken into custody and brought to court.
8. Even though there are offences committed by Najib, even though billions of ringgit of government money are missing, even though Najib suddenly have billions of Ringgit in his personal account whose source cannot be explained, BN people's representatives, UMNO Heads of Division are speechless.
9. During the general meeting of UMNO, delegates were not allowed to speak in respect of 1MDB and 2.6 billion ringgit in Najib's personal account.
10. When several branch leaders questioned and criticized Najib for the 1MDB, the RM2.6 billion in his account and the involvement of Jho Low and Good Star Ltd. in the management of 1MDB's funds that led to hundreds of millions of US dollars gone missing, these Branch Heads are sacked.

11. Usually when a leader strays, the country's Constitution gives the right to Members of Parliament to call for a vote of no confidence in Parliament. But because of the "bran" and different kinds of pressures, apart from two members of UMNO, other UMNO members and also BN dare not support any no-confidence motion if proposed.

12. Citizens have lost all freedom of speech. All provisions in the Constitution and the law relating to freedom of speech has been eliminated. Reporting to the police about crimes committed by leaders are not only ineffective but the reporter himself may be detained.

13. Now citizens are trying to appeal to the Yang di Pertuan Agong through the Declaration of the People. No doubt there is no provision in the Constitution for citizens to appeal to the Rulers. However, as all other avenues to raise their grievances are eliminated, they have no choice but to appeal to the Rulers. Najib himself also does not obey the Constitution, the laws and the principles of democracy with respect to freedom of expression by the people.

14. Threats have also been made to confiscate passports, if while outside the country, they give statements to foreign media regarding the wrongdoings of Najib's administration.

15. More than a million people have signed the Declaration of the People to save Malaysia, although a warning have been sounded by the Government of Najib that those who signed the Declaration of the People will lose BRIM aid, children's scholarships, business opportunities, licenses and all amenities which are the rights of people. Businesses will be searched by the Inland Revenue Department, contracts not awarded, hindrances when dealing with government offices and other threats.

16. Now there is a supporter of Najib belittling the Declaration of the People, alleging the existence of plenty of scams. He had urged the police to seize the Declaration at the Secretariat. The intention is for the police to be able to identify those who have signed the Declaration and therefore would be able to intimidate them.

17. Indeed there are many who are not willing to sign the Declaration because Najib's regime will threaten and disturb them. If there are no threats and intimidation there are more people who will sign the Declaration of the People. Actually, millions of people agree that Najib step down as Prime Minister. But they fear action by Najib's regime.

18. This supporter of Najib is a traitor of the nation and democracy who is not happy because the people speaks. Supposedly he is from the opposition party which is hostile to Najib's government. But in fact he is Najib's secret supporter who wants to save him.

19. Efforts to get the Declaration of the People signed will continue. I believe there are many Malaysians brave enough to speak up.

20. Traitors to the nation and democracy will not succeed despite getting Najib's protection.

59 thoughts on "KEBEBASAN BERSUARA"



1. [Log in to Reply Hajar](#) Jun 13, 2016 7:44 AM

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi Tun,

1. Bercakap tentang kebebasan bersuara, Tun tidak menyekat para pengunjung blog Chedet dari menyuarakan apa saja pandangan dan komen asalkan mematuhi 'Comment Policy' yang ada di blog ini. Jadi, kepada yang masih kurang arif, bacalah 'Comment Policy' (http://chedet.cc/?page_id=1739) tersebut.

2. Tun atau Admin blog Chedet ada kuasa 'Veto' untuk tidak menyiarkan komen2 yang melanggar peraturan. Tun adil dalam menilai setiap penulisan.

3. Tapi, DSN & gang pula cuma pastikan para pembodek dan kaki ampu saja yang mendapat tempat dan 'dedak' dalam rejim mereka. Golongan yang tidak bersetuju dan yang mengkritik segala salah laku DSN dan konco2 beliau akan disingkir / ditindas.

4. Para pengundi (termasuk ahli2 UMNO/BN) di Kuala Kangsar dan Sungai Besar mesti tolak 'Rejim/Parti Najib – BN' yang KORUP pada PRK nanti. Selamat mengundi. Undi anda RAHSIA.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga ***

2.  [Log in to Reply jeremylo](#) Jun 12, 2016 8:49 PM

Watch out for pt

3.  [Log in to Reply HouseWife](#) Jun 12, 2016 1:39 PM

Assalamualaikum Tun,

Tun, kalau seseorang itu telah dari dulu lagi 'disuap' dengan dedak, dia akan sentiasa mengharapkannya, jika tidak dapat dia akan merasa seolah-olah hilang punca hidup, tidak dapat berfikir bagaimana hendak perbetul dan mengurus kehidupan sendiri. Kerana dia hanya fikir dedak akan datang singgah didepan pintu rumahnya. Ini saja pengharapannya.

Pada zaman Tun dan PM yang lepas pemberian ini tidak dipanggil dasar ekonomi dedak tetapi DEB, Dasar Ekonomi Baru. Siapa yang dapat manfaat daripada DEB ini? Orang2 Melayu dan Bumiputra. Tak kira orang2 Umno ka, Pas ka, Pkr ka dll atau mereka bukan dalam mana2 parti. Orang2 Melayu zaman itu hingga ke anak cucu mendapat pelbagai faedah daripadanya. Tun juga membuka banyak ruang dan peluang untuk semua rakyat Malaysia. Tun juga terapkan nilai2 murni dan Islamisation, seperti Bersih Cekap Amanah. Dan seterusnya adalah tugas mereka pada zaman itu menerapkan nilai2 murni tersebut ke hati anak2 mereka dan begitu juga seterusnya tugas anak2 mereka ini menyambong tugas murni ayah mak dan datok mereka.

Tun telah buka jalan seluas-luasnya. Tetapi sesetengahnya telah melencong daripada nilai2 murni tersebut kearah mengejar kebendaan yang melampau sehingga lupa diri...maka terukirlah kata2 hikmah Tun "Melayu Mudah Lupa". Melihat akan mereka terlalu berkiblatkan Barat, Tun pun beralih arah ke timur maka lahirlah "Look East Policy" Tun. Alhamdulillah, ramai yang sedar dan bekerja kuat untuk negara dan rakyat dan bukan untuk memenuhkan pokek sendiri sahaja. Tetapi sedihnya DNA tamak dan DNA Melayu mudah lupa seakan meresapi dalam diri mereka dan merebak dengan pantas

tanpa disedari kepada anak2 dan generasi masa kini. Kenapa jadi begitu Tun? Adakah sebab zaman itu Islam belum cukup kukuh di sanubari orang2 Melayu sehinggalah tercetusnya Revolusi Islam di Iran? Pada masa itulah Islam mulai berkembang dan bertapak di hati orang2 Melayu bagai penyelamat daripada terus terpesong dan tergelincir.

Tun telah telah sedaya upaya cuba merubah mentaliti orang2 Melayu daripada mengharap dan menadah tangan kepada mengembangkan minda dan berwawasan dan menggunakan tulang empat kerat untuk menjana kehidupan sendiri yang lebih baik, sudah pasti dengan sedikit bantuan kerajaan kepada yang memerlukan. Walau pun susah dan jatuh tetapi dengan sokongan dan pegangan nilai2 murni yang diterap oleh Tun, ianya pemberi semangat untuk bangun semula demi mencapai kejayaan dan impian.

Tetapi dimanakah silapnya Tun? Kenapa masih lagi Melayu mudah lupa? Adakah kerana tamak kuasa? Adakah kerana hasad dengki? Adakah kerana terlampau dimanjakan? Adakah kerana terlebih 'makan'? Sedih jika bangsa lain pandang rendah pada Melayu disebabkan perkara2 negatif ini.

Setelah Tun serah jawatan apakah yang telah dilakukan oleh kedua2 PM waktu pemerintahan masing2? Mereka tidak meneruskan pelan pembangunan yang disediakan oleh Tun dimana ianya akan menjana dan menumbuh ekonomi negara dengan lebih pesat dan membuka banyak peluang pekerjaan untuk anak2 Malaysia. Tetapi yang nampak hanyalah pelan bagaimana nak mengisi dan memenuhi 'tabung kewangan' masing2 dengan mewujudkan pelbagai GLCs, organisasi, jawatan2 dan skim2 yang tidak perlu. Disinilah dengan 'bijak' mereka meletakkan orang2 mereka agar dapat dipergunakan apabila perlu dan tiba masanya. Perkara ini pasti tidak dirancang setahun dua. Adakah perkara ini dirancang tanpa pengetahuan Tun sebelum Tun letak jawatan? Adakan ia menghairankan? Tidakkah rasa ianya sangsi dan pelek?

Sekarang Tun rasa wajib sebelum 'tirai melabuh' memperbetulkan apa yang silap dan salah. Jangan semata-mata segelintir hidup senang, tenang dan lenang kita lupa pada yang tertindas, terpinggir, tersingkir, terlupa hanya kerana tidak sehaluan dalam perjuangan politik atau pemikiran. Semuanya mesti dapat perlindungan dan kebajikan samarata daripada kerajaan yang jujur bukan yang korup.

Rakyat Malaysia juga wajib cegah manusia2 tamak ini daripada terus menopoli dan menggondol sumber asli dan kewangan negara. Rakyat Malaysia mesti berani mengatakan TIDAK kepada pemimpin yang korup dan pentadbiran yang hanya menjadi pengikutnya. Pilihan ditangan Rakyat Malaysia. Demi masa depan anak cucu kita sokonglah Deklarasi Rakyat.

Tun, masa berkempen Tun jangan mengambil endah dan hati dengan kata2 menghasut dan putar belit mereka. Perlawanan kedua2 Prk ini seolah2 antara Tun dan Umno/Pas, inilah tujuan mereka untuk mengelak pengundi2 daripada bertanya atau bercakap ataupun berfikir pasal skandal2 kehilangan berbillion wang negara dan duit 'derma' berbillion pak arab masuk dalam akaun presiden Umno sekarang yang pada mulanya dia mengelat. Mereka menggunakan bertan2 wang untuk melawan Tun di dua2 prk. Apa yang Tun guna untuk melawan mereka? Hanya Kejujuran dan Keikhlasan menyampaikan Kebenaran. Mana yang lebih berat timbangannya? Hanya mereka yang cerah mata hati tahu jawapannya. Wallahu'alam.

May Allah Bless you Tun. May Allah Protect you always Tun. May Allah grant you great wealth in health, happiness and knowledge. Take extra care in your safety and Thank you Tun.

Maaf Tun, mohon sedikit laluan. Dear umranrc, seganlah saya pada Dr2 lain yang bertauliah dan memang layak daripada saya. Saya hanya ingin menyampaikan apa yang tersorok dalam pemikiran saya. It's nice to feel like Tun is listening. Pada saya Tun menghormati semua apa jua cara penyampaian mereka di sini dari dahulu lagi hingga kini. Terima kasih juga kerana tuan umranrc sudi membaca. Semoga Allah lindungi umranrc dan keluarga dan dimudahkan rezeki.



4. [Log in to Reply LeoSabri @ leosabri.com](#) Jun 11, 2016 2:44 PM

Maklumbalas kepada Tuan umranrc

1. Dengan izin chedet.cc untuk maklumbalas berikut.
2. Maklumbalas berdasarkan tanda hormat bilamana komen sebelum ini dinobatkan dan, atas dasar prihatin serta, setinggi-tinggi ucapan terima kasih di atas makluman berkaitan berserta maklumat pribadi tuan walaupun tidak diminta.
3. Identiti boleh dimaksudkan; nama atau foto profile yang sewajarnya boleh dikenali sebagai seorang rakyat berani bersuara dan disebut; "walaupun tanpa identiti" bermaksud; saya masih hormat serta sedia menjawab dengan panggilan Tuan/Puan yang berfotokan kucing.
4. Jika diperhalusi pada permulaan komen, ianya dikelasifikasikan sebagai bahasa sindiran sepertimana maklumbalas tuan yang telah tersedia maklum bukan sahaja rakyat Malaysia malah penduduk dunia juga mendedahkannya, makanya saya menyebut; "begitu hebatnya Malaysia."
5. Buat makluman tuan, saya sentiasa perhalusi dalam apa jua dilakukan pada sebelum dan selepas yang sewajarnya disebut; "Maaf berkata" iaitu kata-kata tidak ikhlas/sindiran maksudnya; kita ada segalanya hingga tahap Di-Raja namum, seperti menunggu Bala Bencana Malapetaka menimpa dengan hanya mengharapakan Doa sahaja.

Sekian, semoga diturunkan Hidayah kepada semua dalam bulan Ramadhan yang mulia ini.



5. [Log in to Reply LeoSabri @ leosabri.com](#) Jun 11, 2016 2:39 PM

Maklumbalas kepada Tuan umranrc

1. Dengan izin chedet.cc untuk maklumbalas berikut.
2. Maklumbalas berdasarkan tanda hormat bilamana komen sebelum ini dinobatkan dan, atas dasar prihatin.
2. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih di atas makluman berkaitan berserta maklumat pribadi tuan walaupun tidak diminta.
3. Identiti boleh dimaksudkan; nama atau foto profile yang sewajarnya boleh dikenali sebagai seorang rakyat berani bersuara dan disebut; "walaupun tanpa identiti" bermaksud; saya masih hormat serta sedia menjawab dengan panggilan Tuan/Puan yang berfotokan kucing.

4. Jika diperhalusi pada permulaan komen, ianya diklasifikasikan sebagai bahasa sindiran sepertimana maklumbalas tuan yang telah tersedia maklum bukan sahaja rakyat Malaysia malah penduduk dunia juga mendedahkannya, makanya saya menyebut; "begitu hebatnya Malaysia."

5. Buat makluman tuan, saya sentiasa perhalusi dalam apa jua dilakukan pada sebelum dan selepas yang sewajarnya disebut; "Maaf berkata" iaitu kata-kata tidak ikhlas/sindiran maksudnya; kita ada segalanya hingga tahap Di-Raja namum, seperti menunggu Bala Bencana Malapetaka menimpa dengan hanya mengharapkan Doa sahaja.

Sekian, semoga diturunkan Hidayah kepada semua dalam bulan Ramadhan yang mulia ini.



6. [Log in to Reply umranrcJun 11,2016 1:45 AM](#)

Salam Tun,

Mohon sedikit laluan Tun,

Selamat pagi PakPandir08,

Mmmm... masihkah kita cuba untuk mengembalikan kisah suram yang telah sekian lama berlalu? Ya, sejarah itu penting, dimana jika tiada sejarah maka tiada masa hadapan. Sebenarnya dalam bidang kejuruteraan, previous statistical data is very important for us to determine the failure mode of any given structure or component....

Saya percaya kita semua sedar akan kesilapan lalu dan kini kita semua berusaha untuk mengelakkannya. Jika tiada kesedaran ini, maka tiadalah Deklarasi Rakyat! Cuba kita selidik betul-betul, apakah kelebihan pada Tun dengan menjana DR ini? Adakah untuk menaikkan Mukhriz? Kita semua tahu jawapannya TIDAK. Adakah kerana projek yang terancang oleh Tun dahulu tidak diteruskan? Pada saya, ini pun TIDAK juga.

Cuma satu sahaja penjelasan yang pasti, ianya demi kemakmuran NEGARA kita ini. Dalam keadaan sekarang, ramai yang telah dan bakal menjadi mangsa kehilangan pekerjaan atau pendapatan, mereka akan tersiksa. Percayalah apabila manusia sudah mula kehilangan itu dan ini maka pemikiran rasional akan juga akan hilang dan....

Baiklah PakPandir08, jika kita asyik menyimpan dendam, tak kemana kita ni. Sokonglah penentangan kita kepada kecurangan wang rakyat serta mengembalikan keyakinan antarabangsa terhadap Negara ini.

Terima Kasih PakPandir08.

Salam Saudara LeoSabri,

Tiada identiti? Ada jika dihalusi. Lelaki, 50 tahun, jurutera, anak 6 orang, 3 darinya sedang menuntut diIPTA. Dan saya tiada niat untuk berdebat cuma menyampaikan pendapat saya.

Sebenarnya pemikiran yang menyatakan Dato' Sri Najib berada dijalan yang BENAR serta MULIA itu yang perlu dilihat semula. Bala dari Allah ini bermacam cara dan ada sesetengah tu kita tidak dapat melihat dengan mata kasar. Contohnya, sejauh manapun cubaan untuk disorok kecurangan wang Negara dalam hal 1MDB ini, ianya tetap terbongkar. Jika kita berada dijalan yang benar, kita tidak

perlu takut atau gusar, yakni kita tidak perlu melantik Peguam Negara yang baru serta menukarkan pegawai-pegawai SPRM yang sedang menjalankan penyiasatan. Dan yang benar-benar terang lagi nyata adalah wang SRC sebanyak RM 42 juta telah sah mengalir kedalam akaun peribadi Dato' Sri Najib. Ini telah pun dibuktikan oleh Peguam Negara sendiri. Penjelasan yang diberikan adalah, campur aduk wang derma dalam akaun maka tidak perasan wang yang ini.

Untuk ini, maaf saya ulangi semula, AG telahpun mengeluarkan kenyataan bahawa tidak menjadi kesalahan jenayah sivil jika seseorang itu berbohong kecuali semasa membuat laporan polis atau semasa memberikan keterangan diMahkamah. Jika kita mengguna pakai kenyataan AG ini, maka untuk menghilangkan kebatilan, KERAJAAN sepatutnya membawa Dato' Sri Najib ke Mahkamah untuk pembentangan kes ini dan bukan setakat menerima pakai alasan yang tidak masuk akal.

Saya mungkin tidak ada fakta samada saudara membayar cukai peribadi pada Kerajaan Malaysia atau tidak, tetapi sumbangan saya setiap tahun lebih kurang Proton Wira pada Kerajaan, dimana wang ini sepatutnya digunakan untuk perbelanjaan pengurusan Negara (penyediaan perkhidmatan hospital, sekolah, jalan raya dan sebagainya) dan sudah semestinya bukan untuk diguna pakai secara peribadi. Untuk perbelanjaan peribadi, Perdana Menteri kita dibayar dengan gaji sebanyak RM 23++ ribu dan ini belum termasuk gaji sebagai MP dan pelbagai lagi elaun serta gaji dari pegangan potfolio yang lainnya. Tetapi tidaklah jumlah keseluruhannya memcecah rm 42 juta!

Terima Kasih Tun.

7.  [Log in to Reply sibotakJun 11,2016 1:09 AM](#)

Dog Jef

Dah Makan ubat belum ?

Atau terlebih Makan ubat ?

Najib can be a billion air overnight ?

Apa Niaga Dia Niaga ?

Bill Gates yg terkaya pun Tak jadi Billionaire overnight ?

David Copperfield pun Tak Bolih Buat Macam Gini ?

Ini mesti Ada Simpan Toyol

Tak masuk Akal , Arab yg Tak Kenal Najib hujung pangkal nak Kasi derma kat Najib ?

Nak Kasi Tun Mahathir pun lagi impossible ?

Apa Arab ni Tak Ada Anak cuci atau Saudara Mara ?

Tak Mungkin Anak cucu Beliau Bolih terima Kalau Datuk Mereka derma Najib

Banyak Janda Janda Muda dan Anak Yatim di Syria ,Iraq ,Palestine yg Bolih di dermakan

Yg kami Rakyat Malaysai nampak

Pembelajaan Najib & Family UNO Snd Bhd yg dasyhat adalah

Yg kami nampak nyata 1 MDB yg ditubuhkan Najib tidak Sah dan tidak Ikut peraturan , Hilang Wang sampai berhutang adalah

Tak nampak pun Usaha Najib memperjuangkan Niat si Arab yg nak mencegah terrorist

Tak nampak pun Najib bersama untuk Kebajikan

Kalau ya pun
Nak tips Janganlah tipu si penipu Macam Saya
Saya ni penipu juga



8. [Log in to Reply rimba.emas](#) Jun 10, 2016 7:15 PM

Salam Tun.

1. Rimba Emas di beri talian agak lewat dalam chedet kali ini bagai tiada kebebasan untuk bersuara dengan cepat.
2. Tun berulang kali membicarakan persoalan ini tetapi hasilnya tetap sama iaitu kehendak dalam Deklarasi Rakyat masih tidak berjaya kerana pihak berkuasa masih menyebelahi pihak ketua pemerintah.
3. Justeru sinario untuk menyebelahi Deklarasi Rakyat untuk menurun PM perlu kepada plan baru yang mana menghalang persoalan yang menyebabkan rakyat bawahan tertindas.
4. Golongan macam Tun dan mereka-mereka yang berkemampuan tidak mungkin terkesan oleh cukai GST , potongan atau kenaikan harga barangan.
5. Tiada jaminan yang baru akan sama dengan yang lama. Malah yang bersalah tetap ada penyokongnya sendiri.
6. Nabi Muhammad s.a.w sendiri tetap mempunyai musuh sehinggalah ke hari ini.
7. Justeru satu pendekatan baru perlu di usahakan seperti di adakan PILIHAN atas sesuatu dasar yang di undang-undangkan.
8. Contoh dalam pengeluaran wang kwsp perlu kepada pilihan 2 cara pengeluaran boleh keluar pada umur 50 dan umur pencen. Bukan atas kerana seseorang berbelanja wangnya habis sebelum pencen maka di hapus pengeluaran pada umur 50.
9. Manusia tidak sama antara satu sama lain. Kita tidak boleh menyamakan seseorang yang lain akan sama berlaku seperti kita kerana qodho dan qadhar seseorang terletak pada Allah s.w.t.
10. Lebih baik adakan beberapa pilihan kepada sesuatu dasar yang di kenakan kepada rakyat. Ia lebih baik daripada memberi kebebasan kerana ada kebebasan terbatas disebabkan kehendak agama.
11. Kebebasan ada batasnya dan boleh di beri hak ke atasnya kalau di adakan beberapa pilihan.

Wallahua'lam



9. [Log in to Reply joetachi](#) Jun 10, 2016 5:33 PM

#bubarParlimen

Bubur Lambok buat berbuka..
Sebelum buka kenalah puasa..
Bawakan suara rakyat jelata..
Persembahkan pada Paduka DiRaja....

10.  [Log in to Reply sunny spoon](#) Jun 10, 2016 4:04 PM

Salam Tun,
Menyimpang skit dr tajuk Tun.

Hang pandir, lebih elok hang tanya soalan kp isu panas krg ni bukannya riuh satu Negri 9 'big mama beli jet baru'.

Slain menggunakan jet sewaan kerajaan big mama bw anak beranak lg nail jet tersebut. Soalan nya, Layak ke dia anak beranak mnggunakan kemudahan tersebut dgn mmbawa berpuluh beg utk tujuan peribadi?

A. Kayak.

B. Tidal layak

11.  [Log in to Reply sibotak](#) Jun 10, 2016 3:10 PM

Salam Ramadhan

Dalam kita membahaskan masalah terkini terutama PM kita yg tidak betul
Harus juga kita menimbang nimbang persoalan yg sering di timbulkan Si Botak

Apa Guna Pembangunan jika Pembangunan ini
Bukan milik kita , kita hanya menang Shiok sahaja
Lebih baik Beratap Rumbia , Berpondok Kayu
Tanah ,Hak , Masa depan masih milik kita
Untuk Anak Cucu kita , Anak Bumi
Begitu juga KeDaulatan KeSultanan

Sudah Kelihatan Tanah Melayu Malaysia sudah banyak tukar tangan
Seolah di sambar Tsunami
Di jual , di Gadai ,di Tipu hujungnya sudah banyak dimiliki orang asing
Terutama dari S,pura ,juga Kerajaan Singapura

Adakah Anak Bumi Malaysia akan berakibat seperti
Anak Bumi Singapura ?

Kelihatan Singapura sudah di banjiri pendatang dari China dengan diberi Kerakyatan dan kemudahah
Apakah rancangan mereka sebenar dengan keluasan tanah yg sempit

Adakah Kerajaan kami Prihatin akan masalah kedepan dengan
Lemah dan Hanyutnya pemerintanhan Najib kini ?

Tidakah Sejarah mengajar kita ?
Mana yg perlu kita perhatikan dulu ?
Pembangunan yg bakal merugikan anak bumi
atau Tanah Pusaka untuk depan anak cucu kita kelak ?
Tidak kah kita mampu untuk membimbing kereka bagi membangunkan Malaysia
Cara Kita , Budaya Kita

Fikir fikirkanRenung renungkan



12. [Log in to Reply LeoSabri @ leosabri.com](#) Jun 10,2016 12:19 PM

Jawapan dari soalan Tuan/Puan umranrc

1. Mohon izin Tuan empunya Blog chedet.cc samada Tun Dr. Mahathir atau, Admin untuk memberikan jawapan.
2. Sebelum menjawab ingin saya menarik perhatian semua bahawa laman Blog bukanlah laman Forum, Debat atau, Soal Jawab.
3. Sekiranya laman Blog disediakan ruang Komen seperti chedet.cc ini, ianya bermaksud Komentor sewajarnya memberi maklumbalas berdasarkan Tajuk dan, mengikut penulisanya kerana, aktiviti beretika sewajarnya dititik beratkan.
4. Namun begitu saya terpanggil untuk menjawab atas sebab Hormat walaupun penyoyal tiada Identiti dan, Hargai di atas Perhatian diberikan kepada Komen saya sebelum ini.
5. Soalan dikemukakan sebenarnya telah dijawab oleh pemberi soalan di dalam persoalan yang dikemukakan seperti berikut;

“(bagaimanapun dengan Kebesaran Allah SWT boleh sahaja diturunkan bala pada sesiapa sahaja secara individu).”

Sekian, salam Ramadhan dan selamat menunaikan Ibadat Puasa.



13. [Log in to Reply malaysian1000000](#) Jun 10,2016 12:18 PM

Salam,

Doc j,

Saya fikir, TUN tak perlulah nak mengikut “arahan” dari doc. Cukuplah doc refer balik entri-entri TUN yang lepas dan saya fikir doc akan faham TUN “bersuara” dari pandangan seorang ahli perniagaan, penasihat dan berjawatan tertinggi dalam kerajaan selama 22 tahun dan saya fikir, tempoh itu cukup untuk TUN fasih dan “pakar” dalam sistem Pentadbiran Malaysia (PM) dan bukannya Peng-Arah Malaysia (Pee M-sebab Najib terkenal dengan istilah “Saya telah Arahkan”). Nak tahu bagaimana TUN buat, belajar dengan TUN sebab “he did it his way, not the other way around”. Mungkin doc pun dah

terikut-ikut boss doc. Ada pepatah berkata "kawan dengan perfumér wangi kita, kawan dengan orang buat taik busuk kita". Doc jangan jadi "peminta sedekah" pulak lepas ni dek terikut-ikut.

Laporan PAC itu walaupun saya dah baca semuanya. Saya fikir laporan itu sebagai "nak tunjuk buat kerja" untuk orang "cari makan" apabila Majlis PAC "membebaskan" dan "mengecualikan" Najib, Jho Low, Prince Turki, Qatar Prince untuk di "prosiding-kan". Iaitu :

1. Najib sebagai "signatories approval" seperti yang termaktub di dalam M&A 1MDB Artikel 117.
2. Jho Low sebagai orang tengah di dalam "urus niaga palsu" 1MDB.
3. Prince Turki dan Prince Qatar sebagai Ahli "Lembaga" Penasihat, "sedar" ke "tidak sedar" syarikat dia dah terlingkup. (Takut ke kot kot diorang ni cakap "we both dah "bank in" duit pada Pee M u guys macamana boleh terlingkup?" dalam bahasa mudahnya. Tapi ini hanya spekulasi ye tapi boleh je kalau sesiapa yang masih boleh lepas keluar negara pergi siasat atau bagi "dialog" khas)

Dan juga "membebaskan" dan "mengecualikan" segala dokumen-dokumen penting dari dibentangkan kepada Majlis PAC dari di-hansard-kan sebagai rujukan saya sebagai rakyat Malaysia yang ke se-juta ni.

Juga terdapat dokumen yang "hanya untuk rujukan pengerusi" tanpa diserahkan kepada ahli majlis yang lain.

Tindakan AG baharu yang terburu-buru dalam mengeluarkan hasil siasatan dan "menutup" kes untuk "membebaskan" dan "mengecualikan" (walaupun AG juga badan bebas dan berkecuali(sepatutnya)) nama Najib sebelum Laporan PAC dibentang menyebabkan istilah "cari makan" begitu popular, kerana jika Laporan PAC bercanggah dengan Laporan AG sudah tentu Ahli-Ahli PAC akan didakwa kerana mengeluarkan "keputusan bercanggah", dan tentunya mereka akan hilang sumber "cari makan" mereka. Jadi keputusan PAC ini lebih kepada PLAYSAFE seperti produk yang dijual di 7-Eleven untuk mengelakkan gejala anak luar nikah sehingga keputusan untuk "mengebom" menggunakan C4 terpaksa diambil di hutan Puncak Alam... (Eh.. Eh.. Melalut pulak "cereka" saya ni, Sorry Sirul)

Kembali kepada 1MDB, tentang ahli Parlimen. Satu saja soalan saya. Bila masa yang tidak "di-subjudiskan"?

Sorry TUN, bukan nak "lawan tuan". Cuma nak berbicara dengan seorang "dedak eaters".

TQ

14.  [Log in to Reply amd trmzJun 10,2016 10:44 AM](#)

HUDUD II

Kepada Umranc

Kita tak perlu takut kepada hudud jika tidak melakukan kesalahan tetapi KITA BIMBANG CARA PERLAKSANAANYA.

Contoh KES NIK RAINA LWN Jab Agma Islam wilayah tak silap saya.Betulkan kalau saya silap

1. Nik raina sebagai orang kena tuduh OKT dituduh mengedarkan buku dilarang irshad manji sedangkan dia cuma pekerja dan sepatutnya OKT lebih tepat dituduh kepada pemilik atau pengarah tersebut.
2. Jabatan agama islam terburu-buru mengharamkan penerbitan buku tersebut sedangkan kerajaan masih belumewartakan pengharaman buku terbabit.
3. Kes ini berlarutan dan akhirnya nik raina menang kes tersebut dilepas dan dibebaskan. Lihat bagaimana kes yang sebegini pun kita sebagai muslim cuai dalam kertas pertuduhan, main tuduh sahaja. Melampaui kuasa undang-undang, buat keputusan sendiri sedangkan warta pengharaman belum dikeluarkan.
4. Saya kecewa sedangkan kes kecil begini pun cuai,berlagak kononnya undang-undang sendiri bikin.Bagaimana kes seperti hudud??
5. Non muslim juga tidak terkecuali. Contoh paling dekat adalah piagam madinah. Dimana orang yahudi yang tidak menerima piagam madinah keluar dari madinah. Piagam madinah benda yang kecil kalau hudud bagaimana benda yang besar?
6. Islam menekankan hukuman yang seadil-adilnya kepada umat manusia bukan hanya bagi masyarakat muslim sahaja.
7. Terima kasih tun. Sekarang nejob dah buat macam-macam. Sekarang solat terawih pun nak diwajibkan 20 rakaat (dah risau macam agama dibuat mereka yang punya) sedangkan ada pandangan lain berkenaan solat terawih 8 rakaat. HENTIKAN HUDUD KARUT PAS.

15.  [Log in to Reply](#) **pakpandir08** Jun 10, 2016 9:44 AM

Kepada saudara umranrc,

Sekiranya hendak menyelesaikan sesuatu masalah secara menyeluruh, 2 langkah ini amat diperlukan:

- (1) mengenal pasti PUNCANYA
- (2) KEIKHLASAN untuk menyelesaikannya

Kalau tak faham lagi, renunglah keadaan di bawah:

(A) kereta jepun sekiranya ada masalah yang dijumpai, mereka akan mengenal pasti PUNCA masalah dan MENGAKU sahaja itu masalah mereka. Kereta ditarik balik untuk diperbaiki. Walaupun tercetus kes kematian akibat masalah kereta, pengguna masih menjadikan kereta jenis ini sebagai pilihan utama -> apa sebab? sebab KEIKHLASAN yang ditunjukkan

(B) kereta jenama lain ada apa-apa masalah pun mereka tak mengaku, dan salahkan pemandu dan orang lain, ataupun memberi pelbagai alasan. Mereka juga akan mengesyor anda menggunakan saja model baru dan katakan ia tidak akan ada masalah. Namun, masalah timbul juga dan sama macam biasa mereka tidak mengaku dan memberi pelbagai alasan

Soalan:

(Q1) Sebagai seorang pengguna, kamu pilih kereta jepun (A) ataupun kereta jenama lain (B)?

(Q2) Kamu rasa isi kandungan Deklarasi Rakyat, lebih cenderung kepada situasi kereta jepun (A) ataupun kereta jenama lain (B)?

16.  [Log in to Reply](#) **WandyCaswady** [Jun 10, 2016 7:37 AM](#)

Pada pandangan saya... Dr Jafri la yg OCD... Buat apa la di dok sibok risau dgn Tun yg xda kuasa... Hahaha... Podaaah doktor...

17.  [Log in to Reply](#) **umranrc** [Jun 10, 2016 3:06 AM](#)

Salam Tun,

Izinkan saya memberi sedikit pendapat mengenai HUDUD. Sebelum itu ingin saya nyatakan bahawa saya bukan Ahli mengenai perkara ini.

Baru-baru ini Presiden PAS telah mengusulkan tambahan kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pesalah Islam kecuali yang melibatkan nyawa. Masalahnya, seperti yang Tun ujarakan, untuk kesalahan yang disama dilakukan oleh yang bukan Islam, berkemungkinan hukumannya lebih 'ringan' dan untuk masyarakat majmuk Negara ini, ianya adalah sesuatu yang tidak adil.

Baiklah, wajarkah kita menjalankan rang undang-undang Islam secara menyeluruh didalam Negara ini? Brunei boleh, Arab Saudi boleh dan banyak lagi Negara Islam boleh. Secara statistiknya, penduduk Islam dalam Negara ini sekitar 55% sahaja. Ya, lebih sedikit dari separuh akan tetapi, kepercayaan ugama yang lain-lain tidak menghalang secara terus bersekedudukan, minuman keras, berjudi dan sebagainya (walaupun begitu jika dikaji selidik, ada juga larangan-larangan sedemikian dalam ugama masing-masing). Adakah mereka yang seramai 45% ini dipaksa untuk menerimanya? Dalam pada itu, sekiranya kita tidak melakukan kesalahan, apa perlukah kita merasa bimbang?


Telah saya sebut cadangan saya ini sebelum ini disini, tetapi ingin saya ulanginya semula...

Para pendukung Undang-undang Negara, baik UMNO/BN, DAP, PKR, PAS, AMANAH dan sebagainya, diharap betul-betul boleh memikirkan perkara ini secara serius.

Gubal undang-undang Islam sebagai PENDUA kepada undang-undang sivil yang ada ketika ini. Aturannya mudah, setiap warga negara atau sesiapa sahaja yang berada di Bumi Malaysia yang dituduh melakukan kesalahan jenayah, tanpa mengira kaum, ugama atau kedudukan, mereka diberi pilihan untuk dihakimi dalam Mahkamah Syariah ataupun Mahkamah Sivil. Pilihan ini tidak sesekali dipaksa dan setiap pilihan yang dibuat akan dihormati. Untuk kesalahan yang melibatkan salah laku Syariah yang dilakukan oleh seseorang Islam, mereka juga diberikan pilihan untuk diadili secara Syariah ataupun secara Sivil.

Dalam hal ini, sebagai Pemerintah, beban tanggungan kerana tidak melaksanakan hukum Allah tidak lagi digalas. Ianya jatuh kepada individu itu sendiri dan tahap kepercayaan beliau.

Terima Kasih Tun untuk ruangan ini.



18. [Log in to Reply](#) **umranrc** Jun 10, 2016 2:18 AM

Salam dan mohon laluan Tun.

Salam Saudara LeoSabri,
Penulisan anda dibawah ini,

"Maaf berkata; selagi tiada Bala Bencana Malapetaka menipa @NajibRazak anggapan saya beliau berada dijalan yang benar dan sorang insan Mulia."

Saya terpaksa pula memohon maaf kepada saudara kerana setahu saya, seceteknya, dalam Al-Quran ada menyebut bala yang diturunkan adalah pada sesuatu kaum dan bukan sekadar individu (bagaimanapun dengan Kebesaran Allah SWT boleh sahaja diturunkan bala pada sesiapa sahaja secara individu). Apabila ini berlaku, kesemua yang berada disitu bakal menerimanya. Apa, mahukah kita menunggu saat itu, sekiranya kita tidak cuba untuk membetulkan keadaan?

Salam Saudara Amd Trmz,
Berdasarkan apa yang saudara sampaikan, akan saya beri pendapat saya tentang hudud ini.

Salam Sri Sense,
"Mesti peniaga2 bersedih, tapi tak mengapa, kalau you tak berniaga, you tak payah bayar GST. You can also balik kampung tanam kangkung."

Mmmm.... Mujurlah untuk yang ada kampung... kalau macam saya ni yang mana tanah Aruah Datuk kat Dato' Keramat tu pun dah ambil semula oleh Kerajaan dan rumah Aruah juga diruntuhkan untuk membuat medan letak kereta dihadapan stesen LRT Damai tu macammana pulak? My point is, those who still have places to go are still lucky, for those who do not?

Salam Dr. HouseWife,
Your latest comment especially the third paragraph is superb. I've seen first-hand on what happens to a society which tends to depend on hand-outs... they simply become too lazy to fend for themselves. Anyway, I adore your writings, thanks.

Salam Jafri,
Seperti yang saya sampaikan sebelum ini, penulisan saudara tiada nilai disini. Simpan sedikit ketidakpandaian saudara, lapuran PAC dengan jelas menyatakan bahawa ada keperluan kepada siasatan lanjut terhadap CEOnya yang terdahulu serta mereka-mereka yang terlibat dengan pengurusan 1MDB, ini termasuklah Pengerusi Penasihat yang meluluskan setiap urusan kewangan 1MDB melalui perkara 117 undang-undang tubuh syarikat berkenaan. Sudahkah pihak yang berwajib menjalankan perkara ini???

Salam/Selamat Pagi PakPandır08,
"Entah apa yang Tun mengadu disini, siapakah puncanya? Entah pada masa zaman Tun, tiada tangkapan keatas orang yang menentang pentadbiran Tun?"

Sebenarnya saya tidak membuat sebarang pos lebih awal kerana saya sedang menanti sekiranya ada dikalangan bloggers disini yang ingin memberikan pendapat yang berlainan daripada penulisan yang

pendek lagi padat daripada PakPandır08 ini. Walaupun kita mungkin bertentangan pendapat, sekurang-kurangnya penulisan anda adalah cerdas.

Baiklah, isu penangkapan warga Malaysia tanpa bicara ini berlaku sebelum zaman Tun lagi. Ianya bermula setelah undang-undang ISA diperkenalkan sekitar tahun 1960. Anasir-anasir subversive serta penggalak rusuhan kaum perlu disimpan kerana suasana Negara kita yang berbilang bangsa ini amat memerlukannya. Akan tetapi ada juga berlakunya salah penggunaan seperti dalam tahun 1987 bilamana ketidakpersetujuan meletakkan guru yang tidak mahir berbahasa Mandarin sebagai pengetua disekolah Cina menjerus kepada rusuhan kaum. Mereka-mereka yang ditangkap bukannya yang terdiri daripada mereka-mereka yang mencetuskan perkara ini.

Maksudnya PakPandır08, kita perlukan sesuatu mekanisma yang lebih baik untuk menyaring salah laku seperti ini sebelum penangkapan dibuat. Soalan saya mudah sahaja, dengan bertanya sedemikian, adakah Saudara PakPandır08 mengatakan bahawa mereka-mereka yang menandatangani Deklarasi Rakyat ini sebagai bertanggungjawab menyebabkan rusuhan kaum dan sebagainya? Adakah menentang salahguna wang Rakyat itu boleh diterima pakai?


Terima Kasih dan Selamat Berpuasa Tun.

19.  [Log in to Reply](#) **Addin** Jun 10, 2016 1:18 AM

Assalam Tun

Tahniah kepada mereka yang menandatangani Deklarasi Rakyat... one thing for sure is that you are now part of World's History.

Wassalam.

20.  [Log in to Reply](#) **zulu** Jun 10, 2016 12:52 AM

Najis and his slaves passed NSC bill now. No choice but Malaysians need to wait till his last breath.

21.  [Log in to Reply](#) **daeng** Jun 9, 2016 10:26 PM

Assalamualaikum Tun dan assalamualaikum pada semua.

Selamat berpuasa semua.

Setuju dengan semua pencerahan yang Tun nyatakan.

Saya tidak hairan dengan kenyataan "dog" Jafri yang penuh kepalsuan.

Jafri ini serupa dengan Naji\$ yang hidup penuh dengan kepalsuan.

Dunia menghampiri kiamat, itu sebab otak Naji\$ Nazak yang dungu ada juga segelintir manusia seperti dog jafri yang mahu memujanya.

Bodohlah kau jafri. Dari kecil tak mau mampos, dah tua umur melebihi 50an makin menyusahkan orang je.

